

Pemuda Umno desak kurangkan pegawai kedutaan Russia

KUALA LUMPUR, Selasa — Pergerakan Pemuda Umno Malaysia menggesa kerajaan mengurangkan pegawai dan kakitangan Kedutaan Soviet di sini kerana mereka pada umumnya terbabit dalam kegiatan pengintipan.

Ketua Pengerakan itu, Encik Anwar Ibrahim, ber-

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Oleh JAMALUDDIN HAJI BAKAR

kata tindakan itu perlu diambil memandangkan ugutan yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Luar Russia, Encik Mikhail Kapitsa di Singapura dan sikap angkuh serta biadap Duta Besarnya, Dr B.T. Koulik ketika menolak nota bantahan pergerakan itu.

"Kehadiran pegawai dan kakitangan Russia perlu dikurangkan dari yang ada sekarang kerana terdapat banyak bukti pegawai-pegawai Kedutaan Russia terbabit dalam kegiatan mengintip," tegas beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pergerakan itu di Ibu Pejabat Umno di sini.

Beliau menarik perhatian mengenai pembongkaran kegiatan pengintipan yang dilakukan oleh kakitangan kedutaan dan wartawan Soviet di Perancis. "Kita juga mengalami pengalaman yang sama pada tahun 1981," ujarnya.

Berlandas dari pengalaman ini, tegas beliau, kerajaan sepatutnya tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas mengurangkan pegawai dan kakitangan Russia di Kedutaannya di sini.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat menyatakan berapa peratuskah yang patut dikurangkan dari yang ada sekarang. "Itu terserah kepada kebijaksanaan kerajaan," ujarnya.

Beliau juga menyatakan, tindak-tanduk yang dibuat oleh Duta Russia itu tidak sedikit pun menggambarkan hasratnya untuk menjalin hubungan baik antara Malaysia dengan Russia.

Memprotes

Encik Anwar yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menegaskan, rapat umum di peringkat negeri sedang diatur sekarang.

Katanya, Pulau Pinang akan mengadakan rapat umum minggu depan dan diikuti dengan negeri-negeri lain.

Sementara itu, di Perak - Ketua Pergerakan Pemuda Umno Negeri itu, Senator Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan, berkata pergerakan itu akan mengadakan rapat umum anti-Russia akhir bulan ini.

Katanya, kira-kira 2,000 orang akan menghadiri rapat umum parti anggota Barisan Na-

sional di Dewan Bandaran Ipoh.

Upacara membakar bendera Russia mungkin akan dilakukan di hadapan Stesen Keretapi Ipoh sebagai memprotes ugutan Russia kepada Asean itu.

Di Johor - Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Lulusan Maktab Semenanjung Malaysia juga mengancam tindakan angkuh Duta Russia kerana tidak menerima nota bantahan Barisan Pemuda.

Setiausaha Kesatuan itu, Encik Kassim Harun, berkata, pihaknya telah menghantar telegram kepada Perdana Menteri atas sokongan kuatnya kepada kerajaan dalam menghadapi isu Kampuchea dan Afghanistan.

Beliau menganggap tindakan angkuh Duta itu membuktikan hasrat Russia untuk menakluki negara-negara kecil lain.

Di Kucing - Pergerakan Pemuda dan Wanita Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) juga menyatakan sokongan parti itu dalam isu anti-Russia itu.

Seorang jurucakap pergerakan itu berkata, mereka telah menghantar sepucuk telegram kepada Ibu Pejabat BN di Kuala Lumpur bagi menyatakan pendirian parti itu.